

Main kutu boleh kena penjara, denda RM500,000

BERITA HARIAN 18/9/18 m/s 60

➔ JSJK maklum kes penganjur lari bersama wang peserta

Oleh Hasbi Sidek
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Main kutu adalah satu kesalahan dan pesalah boleh didenda tidak lebih daripada RM500,000 atau dipenjarakan tidak lebih sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), melalui Facebook (FB) Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police, memaklumkan terdapat beberapa kes apabila penganjur atau 'ibu kutu' yang menghilangkan diri bersama wang yang dibayar pelabur atau peserta.

"Di bawah Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, (adalah) salah di sisi undang-undang menjalankan perniagaan menganjurkan kumpulan wang kutu.

"Mana-mana orang untuk

menjalankan perniagaan menganjurkan kumpulan wang kutu dan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan itu melakukan suatu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya," demikian menurut maklumat itu.

Berhati-hati sertai kutu

Pihak polis turut menasihatkan orang ramai agar berhati-hati jika menyertai mana-mana kutu kerana selain melanggar undang-undang, mereka juga berisiko untuk ditipu.

"Tetapi, jika ibu kutu lari (menghilangkan diri), anda tetap boleh membuat laporan polis di balai berhampiran dan kebiasaannya kes ini akan dipindahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disiasat," kata kenyataan itu.

Akhbar NSTP sebelum ini juga pernah melaporkan beberapa kejadian mangsa ditipu ibu kutu terutama membabitkan pakej umrah yang ditawarkan syarikat tertentu dengan tawaran menarik.

Pada 3 Jun lalu, sembilan wanita di Segamat, Johor, dilaporkan kerugian ribuan ringgit selepas diperdaya ibu kutu ber-



Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police menambah 2

foto baharu

22 jam · 🌐

Siapa suka main KUTU ?? Baca dan sebarkan knowledge ini.

Di bawah Sek 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971

'Salah di sisi undang-undang menjalankan perniagaan menganjurkan kumpulan wang kutu'

Salah di sisi undang-undang bagi mana-mana orang untuk menjalankan perniagaan menganjurkan kumpulan wang kutu dan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

So, lepas ni kalau ada ibu kutu yang lari, jangan cakap admin tak payung info bagi tau permainan KUTU itu DILARANG. 😊

Tetapi jika ibu kutu lari, anda tetap boleh buat repot Polis di balai berhampiran dan kebiasaannya kes ini akan dipindahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disiasat.

Ini adalah contoh kes-kes yang disiasat oleh agensi / badan lain selain PDRM.

#beSmart

#CyberCrimeAlert

#PDRM

Makluman Facebook Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police.

Fakta nombor

9 WANITA

di Segamat diperdaya ibu kutu

usia 30-an yang melarikan wang pelaburan mereka.

Mangsa yang sebahagian besar adalah suri rumah, mendakwa melabur RM200 hingga RM4,500 bagi mendapatkan pulangan berkali ganda seperti dijanjikan ibu kutu yang juga seorang wanita.